

# Sarawak perlu lebih banyak balai bomba

BH ONLINE | Isnin, 16 September 2019 | 1:51pm

---



MENTERI Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin bersama Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sarawak, Khirudin Drahman ketika ditemui pada Majlis Penyerahan Alat Pemadam Api Kepada JBPM Sarawak, di Kuching, semalam. - Foto Hazreen Mohamad

**KUCHING:** Lebih banyak balai bomba dan penyelamat perlu dibina di Sarawak, khususnya di kawasan pedalaman serta luar bandar, bagi menampung keperluan sebarang bentuk situasi kecemasan.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sarawak, Khirudin Drahman, berkata 36 balai bomba dan penyelamat sedia ada, termasuk empat yang baharu dan dijangka siap menjelang hujung tahun ini disifatkan masih belum mencukupi.

"Keluasan Sarawak hampir sama dengan Sememanjung, dengan jumlah balai sedia ada tidak mencukupi untuk menampung keperluan penugasan bomba. Ini menyebabkan anggota kita mengambil masa untuk sampai ke lokasi kejadian, terutama apabila kes kecemasan berlaku di kawasan pedalaman atau luar bandar.

"Untuk Sarawak, jumlah ideal yang kita perlukan sekurang-kurangnya 50 balai bagi membantu meningkatkan tahap kecekapan penugasan anggota di lapangan, terutama bagi memendekkan tempoh tiba di lokasi kejadian untuk menyalurkan bantuan," katanya

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Majlis Penyerahan Alat Pemadam Api Kepada JBPM Sarawak, di sini semalam.

Dalam usaha meningkatkan tahap kecekapan, termasuk tempoh bertindak itu, JBPM Sarawak turut merangka pelbagai inisiatif berkaitan, termasuk menambah jumlah Pasukan Bomba Sukarela (PBS) dan Pasukan Bomba Komuniti (PBK).